

Jenis Akhbar : Utusan Online  
Tarikh : 09/03/2018  
Edisi / Muka Surat : [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)

## Angkasa perkenalkan sijil standard koperasi



ABDUL FATTAH ABDULLAH (kiri) bertukar dokumen dengan Fadilah Baharin (kanan) disaksikan oleh Mohd Azhar Yahaya (tengah) sewaktu majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Angkasa dan Jabatan Standard Malaysia di Kuala Lumpur hari ini. - UTUSAN/AIZZUL A. MAJID

**Siti Ainiza Kamsari**  
09 Mac 2018 3:00 PM

KUALA LUMPUR 9 Mac - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) buat pertama kalinya memperkenalkan satu sijil standard koperasi yang akan diguna pakai oleh lebih daripada 13,000 buah syarikat koperasi yang bernaung di bawah Angkasa di seluruh negara.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, Angkasa sedang menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Standard Malaysia dalam bidang standardisasi dan penggunaan Standard Malaysia (SM) bagi gerakan koperasi di negara ini.

“Maksimum dalam tempoh tiga tahun dari sebarang sijil SM tersebut akan mula diguna pakai yang tidak sahaja untuk syarikat koperasi tetapi terdapat logo sijil pada semua produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh mereka.

“Kita berharap dengan adanya sijil dan logo SM ini, koperasi dapat meningkatkan keyakinan para pengguna terhadap kesemua produk dan perkhidmatan koperasi yang kini mempunyai standard dan kualiti yang tinggi dan boleh memenuhi keperluan dan kehendak tempatan dan antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Angkasa yang wakili oleh Abdul Fattah dan Jabatan Standard Malaysia diwakili oleh Ketua Pengarahnya, Datuk Fadilah Baharin di Wisma Ungku A.Aziz dekat sini hari ini.

MoU tersebut disaksikan sendiri Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Yahaya.

Dalam ucapannya, Mohd. Azhar berkata, pengguna akan beroleh barangan dan perkhidmatan yang standard dan berkualiti manakala syarikat koperasi akan meraih untung yang lebih besar apabila sijil SM ini mula diguna pakai.

© Utusan Melayu (M) Bhd